

D432

U B985 BAH MEX
MAHATHIR - PAS

KANGAR, 19 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELAHIRKAN RASA +SEDIHNYA+ TERHADAP SIKAP PENGIKUT-PENGIKUT PAS YANG TERLALU PERCAYA KEPADA PEMIMPIN MEREKA, TERUTAMA TIMBALAN YANG DIPERTUA PAS, HAJI HADI AWANG, DARIPADA PENERANGAN YANG DIBERI OLEH KERAJAAN.

SEBAGAI CONTOH, PERDANA MENTERI MENYEBUT BAHAWA APABILA BELIAU BERKATA SEMANGAT 46 AKAN MENGHANCURKAN PAS DAN PARTI ITU TIDAK DAPAT MEWUJUDKAN NEGARA ISLAM MELALUI GABUNGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG, MEREKA TIDAK PERCAYA.

+ENCIK KARPAL SINGH KATA LANGKAH MAYATNYA DAHULU JIKA HENDAK BENTUK NEGARA ISLAM, PAS MEMBISU. JIKA HAJI HADI KATA KARPAL SINGH SEORANG HAJI, ORANG PAS AKAN PERCAYA...BEGITULAH TAKSUBNYA MEREKA KEPADA PARTI+ KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA CALON-CALON DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERJUANGAN PAS SEKARANG TIDAK LAGI BERPRINSIP SEPERTI DI BAWAH PIMPINAN DATUK ASRI MUDA DULU.

KATANYA BUKTI BAHAWA PAS BEKERJASAMA DENGAN DAP IALAH MENERUSI KEENGGANAN PARTI ITU TIDAK MELETAK CALON DI KAWASAN PARLIMEN ALOR SETAR. DALAM PILIHAN RAYA 1986, CALON PAS DAN DAP MASING-MASING MENDAPAT 9,000 UNDI DAN CALON BN 16,000.

+MEMANG PAS KATA TIDAK ADA KERJASAMA DENGAN DAP TETAPI DENGAN CARA TIDAK MENENTANG CALON DAP DI KAWASAN ALOR STAR, ORANG PAS AKAN UNDI DAP,+ KATANYA. -- LAGI
1844MST 19 10 90

D433

U B986 BAH MEX
MAHATHIR - PAS 2 KANGAR

BELIAU SEKALI MINGGATKAN PENYOKONG PAS BAHAWA PARTI ITU TIDAK BERUPAYA MENUBUHKAN NEGARA ISLAM KERANA IA BERTANDING HANYA UNTUK 32 KERUSI PARLIMEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PAS TERMAKAN JANJI PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

BELIAU JUGA BERKATA APABILA BERSARA KELAK, BELIAU TETAP AKAN MENYOKONG BN DAN UMNO.

MENGENAI PARTI BERSATU SABAH (PBS) YANG KELUAR DARIPADA BN ISNIN LEPAS, BELIAU BERKATA PARTI ITU BERTINDAK DEMIKIAN KERANA PRESIDENNYA DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN MEMBUAT PELBAGAI TUNTUTAN TERUTAMA BAGI MENDAPATKAN ROYALTI MINYAK YANG LEBIH TINGGI BERIKUTAN HASIL BALAK PUPUS DI SABAH AKIBAT POKOK-POKOK DITEBANG TANPA KAWALAN.

BELIAU MENASIHATI PARA PENYOKONG BN SUPAYA BEKERJA LEBIH KUAT UNTUK MENJAMIN KEJAYAANNYA.

TERDAHULU, MENTERI BESAR DR ABDUL HAMID PAWANTEH BERKATA BN PERLIS TIDAK MENGHADAPI SEBARANG MASALAH DALAM PILIHAN RAYA INI. --
BERNAMA

1846MST 19 10 90